

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(78)
Tarikh : 2 Ogos 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah Dan Wilayah
Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah Dan Wilayah
Persekutuan Labuan.

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR
88582 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Tingkat 5 Dan 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah
Jabatan Pertanian
Tingkat 5, Menara Khidmat
Lorong Belia
88000 Kota Kinabalu.

Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 11 TAHUN 2000**

**PERATURAN PEMBELIAN DOKUMEN TENDER, KEHADIRAN
KE TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat ini mendapati terdapat kes-kes dimana sesetengah pihak menggunakan Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor lain yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor atau Kementerian Kewangan Malaysia/Perbendaharaan Malaysia Sabah/Perbendaharaan Malaysia Sarawak untuk membeli dokumen tender tanpa pengetahuan dan persetujuan pemilik syarikat berkenaan. Aktiviti ini adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuatkuasa serta boleh menimbulkan pelbagai masalah dan implikasi tidak baik.

3. Di samping itu, ada juga kes-kes di mana individu-individu menggunakan salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor untuk membeli dokumen tender dan urusan pembelian ini dilayan dan dijual dokumen tender oleh Jabatan-Jabatan walaupun individu-individu menggunakan salinan Sijil.

4. Sehubungan dengan itu, adalah penting dipastikan penyalahgunaan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dihentikan dan kerjasama pihak Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon agar memastikan langkah-langkah dan peraturan berikut dipatuhi:

4.1. Dokumen tender hanya dijual kepada pemilik sah syarikat setelah dibuktikan dengan mengemukakan Sijil Asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dan semakan terhadap kad pengenalan pemilik yang namanya tercatat dalam sijil berkenaan.

4.2. Hanya pemilik syarikat dibenarkan menghadiri majlis Taklimat Tender dan lawatan tapak.

5. Sekiranya, pemilik syarikat berkenaan memilih untuk menghantar wakil bagi membeli dokumen tender dan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak, ia hendaklah disahkan dengan membawa/mengemukakan surat kuasa daripada pemilik syarikat kepada individu berkenaan.

6. Adalah diharapkan, pelaksanaan peraturan seperti di para 4 dan 5 di atas dapat mengatasi masalah dan rungutan/aduan yang terdapat pada masa ini. Sokongan dan kerjasama dari pihak Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini diucapkan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

sur.pek.maaahs